

e-Dinamik

MAJALAH DIGITALAKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



EDISI KETUJUH 2025



اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَكِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PERUTUSAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.



Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.

Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON

Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Johor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.



Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademia.

Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.

Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademia untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.



DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)
UiTM Cawangan Johor



PENAUNG

Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

PENASIHAT

Dr. Faridah Najuna Misman

PENYELARAS

Dr. Nur Fatimah Shaari
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

KETUA EDITOR

Aidarohani Samsudin

PENOLONG KETUA EDITOR

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

Zuraidah Sumery
Farhana Idris
Siti Aishah Taib

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

Munirah Zakaria
Mohamad Zaki Razaly
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan



SIDANG REDAKSI

EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG

Norintan Wahab
Zuramaznum Sainan

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Ainol Mardhiyah Rahmat
Che' Khalilah Mahmood
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Suhana Mohamed
Ferri Nasrul
Mohamad Azwan Md Isa
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Norfariza Mohd Ali
Rosmah Abd Ghani @ Ismail
Ruziah A. Latif
Siti Noorhaslina Abd Halim
Siti Nordiyana binti Ishak
Zaibedah Zaharum

EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman
Juyati Mohd Amin
Nurru Ain Fauzi
Nursia Yuhanis

EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN

Dr. Saiful Najmee Mohamad



EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman

Rohayu Ahmad

Siti Hasma Hajar Mat Zin

EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

Haslenda Yusop

Dr. Nur Syamilah Arifin

Dr. Wan Munirah Wan Mohamad

Noraisyah Abdl Aziz

EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN

Azyan Zafyrah Mohd Zahid

Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani

Noorashiekin Khalid

Mazni Mat Zin

Nurrul Amilin binti Zainal Abidin

Nurulnatisya binti Ahmad

Ts. Dr. Siti Aminah Nordin

Ts. Muhammad Imran Ismail

REKABENTUK DAN GRAFIK

Shahrul Amir Bin Shaheran

Mohamad Hanif Bin Awaludin



TIGA DEKAD BERSAMA UiTM (1)

Ahmad Nawawi Yaakob, Rashidah Ahmad Dahari,
Khadijah Amira Abdul Rashid

Ketentuan Allah adalah terbaik buat kita. Saya menghadiri interview ITM sewaktu berkhidmat sebagai guru sandaran di SMK (Khas) Setapak dan tutor sambilan di FPI, UKM, tahun 1991. Saya ditempatkan di Kota Kinabalu dan sahabat baik saya, Dr. Ahmad CY ditempatkan di Johor. Kali pertama terbang jauh meredah lautan, saya berpegang pada nasihat abang sulung: “Di mana pun kamu berada, berbuat baiklah kepada orang, dan orang akan berbuat baik kepada kamu!”

ITM Sabah ketika itu mempunyai enam blok sahaja, di situlah asrama dan di situ juga bilik kuliah dan pejabat pensyarah. Sebuah dewan besar dan dewan makan untuk menampung keperluan 600 orang pelajar. Ustaz Masyuri selaku Timbalan Pengetua HEP dan Ustaz Aziz Harjin (Koordinator PPI) antara individu yang memberi bekas membentuk watak dan peluang sendiri. Atas nasihat mereka, saya menulis apa sahaja genre; akademik mahupun sastera. Ruang akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia sesekali memunculkan garapan isi hati yang saya curahkan.

Lebih menarik di sana ada akhbar tempatan seperti Borneo Post, Daily Express selain akhbar utama dari semenanjung. Saya mendapat ruang sebagai Kolumnis Borneo Post melalui ruangan Mimbar Islam disiarkan pada setiap hari Jumaat dibawah kelolaan wartawan Abd Naddin Shaiddin. Ia lebih kepada soal pengkaryaan dan dakwah, bukan soal menempa nama mahupun bayaran honorarium. Dengan penulisan seperti itu, ia memudahkan urusan biasiswa untuk pengajian selanjutnya.

ITM menyediakan program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) dan pengajian ‘kelas malam’ (hujung minggu) yang memberi ruang menambahkan kenalan dan duit sampingan.



Datin Hajah Zainab, Puan Norashikin, Roslan Mokhtar, Ustaz Arsyad Hashim, Ustaz Bungsu Aziz Jaafar, Ustaz Azam Hamzah, Abang Abu Bakar Tatam, Badarudin (Ketua PB), Khairul Anuar AR, Wan Roslim, Wan Rohani Sulaiman, Abdul Kadir Rosline, Zainon Ismail, Mahadzir, Marsus Jabar, Zamali Tarmudi, Puan Azizah, Jamdin, Rubin, Siti Kurrata Ain, Abang Mat dan ramai lagi yang kami saling membahu demi kecemerlangan ITM Sabah. Pengetua kami ketika itu ialah En. Baharudin yang digantikan berikutnya En. Zainudin. Pada kelompok yang kecil, ikatan kami ibarat dalam sebuah keluarga besar. Kami mengenali sebahagian besar pelajar dan pelajar juga mengenali kami.

Bidang penyelidikan amat nadir ketika itu. En. Zulkarnain memperkenalkan kepada kami dunia penyelidikan dan kelebihannya. Kumpulan kami melibatkan Ustaz Bungsu (kini SS Mufti Negeri Sabah), En. Zainuddin dan Pn. Rosdiana meneroka pendidikan saudara baru (mualaf) di negeri Sabah. Geran ini membolehkan kami berjalan jauh hingga ke Sepitang, Membakut, Sandakan, Kundasang, Ranau, Tawau, Keningau, Tenom, Lahad Datu, Sinulihan dan banyak tempat lain. Ia suatu pengalaman berharga mengenali warga setempat dan merasai keseronokan memandu 4-wheel di jalan gravel di pedalaman Sabah.

Orang Sabah baik-baik. Kami aktif dalam aktiviti dakwah khasnya melalui organisasi Jemaah Islam Malaysia (JIM) ketika itu. Kerjasama dengan pihak Majlis Agama Islam Sabah (MUIS), Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia (BAHEIS – kini JAKIM), USIA (dibawah pimpinan Ustaz Abu Hurairoh) dan Persatuan Ulama Malaysia (PUM Sabah) memberi makna tersendiri.

Pelbagai aktiviti pelajar kami jayakan terutamanya kelas-kelas fardhu ain yang diminta oleh pelajar sendiri. Ko-ADASI dan Kekeluargaan Islam menjadi medan aktif bersama pelajar di samping membantu pihak HEP dalam pembinaan jati diri pelajar. Kami juga aktif dalam misi akademik memperkenalkan ITM di sekolah-sekolah pedalaman. Daerah Sipitang, Kuala Penyu, Kota Belud, Sandakan agak jauh dari ITM Sabah, apatah lagi Tawau dan Semporna. Menjayakan misi akademik adalah peluang terbaik untuk kami mengenali keunikan warga Sabah dari berbagai etnik dan suku kaum. ITM sebenarnya membentuk jiwa dan pendirian tersendiri dalam menilai gelagat manusia untuk satu pertimbangan. Terokailah dunia ini lewat UiTM.